

Meniru adalah salah laku akademik



Dr Mohd Yahya
Mohamed Arifin

mohdyma@gmail.com

TIP KERJAYA

Ketika ini pelajar universiti sedang menduduki peperiksaan akhir semester kedua sesi 2011/2012.

Penulis mendoakan semoga pelajar berjaya melepasi peperiksaan ini khususnya kepada mereka di tahun akhir kerana akan meninggalkan kampus masing-masing selepas beberapa tahun bertungkus lumus menuntut ilmu.

Namun, seperkara yang ingin ditimbulkan ialah mengenai isu meniru yang berlaku dalam kalangan pelajar ketika menduduki peperiksaan. Walaupun kes meniru ketika peperiksaan tidaklah banyak tetapi masih berlaku.

Penulis diberitahu oleh pegawai peperiksaan di universiti awam bahawa memang ada kes pelajar yang ditangkap kerana kesalahan membawa nota ke dewan peperiksaan dan meniru nota itu.

Pelajar harus sedar bahawa perbuatan meniru adalah salah laku akademik yang akan dikenakan hukuman jika disabit kesalahan.

Kelakuan semasa peperiksaan

Menjadi tanggungjawab pela-

jar universiti untuk tidak meniru malah perlu mengetahui mengenai kelakuan dan tata tertib setiap kali menduduki peperiksaan.

Perkara penting ini terkandung misalnya, dalam Kaedah 8 (a), Bahagian II, Tata tertib Am, Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tata tertib Pelajar-pelajar) 2009, Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971.

Perkara di atas dengan jelas menyatakan mengenai kelakuan semasa peperiksaan iaitu tiada seorangpun pelajar boleh,

(a) membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, ke dalam atau keluar dari sesuatu bilik peperiksaan.

(b) Menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa berada di dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia berada di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau benda lain yang dicadangkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Penaksiran Peperiksaan, dan dibenarkan oleh Naib Canselor.

(c) Menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badan-

nya, atau di atas pakaiannya.

(d) Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan sedang berjalan melalui apa-apa jua cara.

(e) Menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

Hukuman

Di bawah peraturan itu, pelajar yang didapati bersalah akan dikenakan hukuman tata tertib seperti dalam Perkara 50 berikut.

Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tata tertib di bawah kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut.

(a) amaran; (b) denda tidak melebihi RM200; (c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; atau (e) dipecat daripada Universiti.

Pandangan Islam

Pandangan Islam tentang meniru dalam peperiksaan dinyata-

kan dalam hadis dengan Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa menipu kami maka bukan dari golongan kami" (Hadis Riwayat Muslim).

Hadis itu jelas menggambarkan bagaimana kedudukan orang yang menipu. Dalam hal ini, meniru ialah perbuatan menipu dan jelas dilarang dalam Islam dan dianggap berdosa.

Menurut Ketua Program Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni, ulama Fikah sepakat mengenai haramnya menipu kerana ada unsur pengkhianatan terhadap suatu amanah, pembohongan, tipu daya, dan pelanggaran terhadap hak orang lain yang termasuk dalam kategori dosa besar.

Di samping itu, katanya, pelajar yang meniru tidak memiliki sifat tawakal (berserah diri) kepada Allah, iaitu tidak percaya bahawa Allah yang akan menentukan segala perjalanan hidup seseorang.

Kesan yang sangat berbahaya bagi peniru adalah penafian terhadap takdir, iaitu meragui takdir Allah.

Penulis bersetuju dengan pandangan Dr Kamal dalam hal meniru ketika peperiksaan yang diharamkan seperti berikut.

1 Peniru dianggap menipu pensyarah dan pengawas peperiksaan kerana mencampurkan antara yang hak dengan batil dan menunjukkan ketidakjujuran ilmiah.

2 Peniru melanggar hak pelajar lain yang berusaha dengan segenap kemampuannya, malah membolehkan si peniru mendapat keputusan lebih baik berbanding pelajar lain yang jujur, amanah dan rajin.

3 Peniru dianggap mengkhianati amanah ilmu kerana memberi jawapan kepada pensyarah dan pengawas peperiksaan suatu bentuk maklumat yang diakuinya sebagai hasil usahanya sendiri padahal itu hasil daripada meniru.

Peraturan dan hukuman yang termaktub serta pengharamannya dengan jelas menunjukkan meniru adalah salah laku akademik yang dipandang serius oleh universiti dan juga Islam.

Anda mungkin bermula dengan menipu diri dan tidak mustahil untuk menipu orang lain pada masa hadapan.

Apabila bekerja kelak, tabiat buruk ini mungkin menjadi budaya misalnya meniru hasil kerja orang lain dan mengukui bahawa itu usaha anda.

Penulis ialah Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia